

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 25 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 12

Solidariti untuk Allahyarham Adib

Ummah berkumpul di mahkamah beri sokongan kepada keluarga Adib

NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR

Gerakan Pembela Ummah (Ummah) akan berkumpul beramai-ramai di Mahkamah Shah Alam Jumaat ini untuk menunggu keputusan inkuies kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim.

"Ia bukan demonstrasi. Kita tidak sokong mana-

mana pihak yang bertindak di luar batasan. Ia hanya tanda solidariti kepada keluarga Muhammad Adib.

"Diharap tiada pihak yang buat tindakan di luar batasan, jangan ada unsur sabotaj atau menimbulkan ketegangan pada hari keputusan inkuies tersebut," katanya pada sidang akhbar di pejabat Muafakat Taman Melawati di sini semalam.

Dalam pada itu, Ummah akan turut mengadakan solat hajat berhubung inkuies kematian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim pada malam esok di Masjid Wilayah Persekutuan di sini.



Sehubungan itu, Pengerusi Ummah, Aminuddin Yahaya mengajak orang awam untuk turut serta pada program berkenaan sebagai ikhtiar memohon kepada ALLAH SWT agar keputusan inku-

es pada Jumaat ini memihak kepada mangsa dan keluarganya.

"Dijangka solat hajat diadakan selepas solat Isyak, disusuli dengan taklimat ringkas berkenaan program Ummah. Orang awam yang berkelapangan dialu-alukan untuk hadir.

"Dalam masa sama Ummah turut menyeru seluruh rakyat Malaysia agar mengadakan solat ha-



Aminuddin (empat dari kiri) bersama Jawatankuasa Ummah pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam mengenai program solat hajat dan perhimpunan aman yang akan diadakan esok dan Jumaat.

jat serentak. Prosiding inkuies Muhammad Adib berdepan banyak cabaran termasuk campur tangan daripada pihak tertentu," katanya.

Muhammad Adib, 24, anggota bomba dari Balai

Subang Jaya cedera parah ketika bertugas dalam rusuhan Kuil Sri Maha Mariamman, USJ pada 26 November lalu.

Allahyarham menghembuskan nafas terakhir di Institut Jantung Negara

(IJN) pada 17 Disember 2018 selepas 21 hari dirawat.

Prosiding bermula pada 11 Februari lalu di hadapan Koroner Rofiah Mohamad yang mengambil masa sehingga 41 hari.